



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH - Bisnes			
TARIKH	:	21/6/2021	MUKA SURAT	:	38
JABATAN	:	KeTSA			

KPower kuasai pasaran tenaga, solar global

Kumpulan Powernet Bhd (KPower) berjaya berkembang di pasaran domestik dan global dalam masa yang singkat, terutama dalam sektor tenaga boleh diperbaharui, kata Pengarah Urusan dan Timbalan Pengerusi Kumpulannya, Mustakim Mat Nun.

Katanya, syarikat berada di landasan yang betul dan disokong oleh prospek pertumbuhan yang cerah.

Sehingga kini, KPower memenangi beberapa projek besar dalam industri tenaga dan solar di pasaran antarabangsa.

"Setakat ini, kami berjaya meraih lebih 50 peratus kontrak melalui tender terbuka dengan nilai melebihi RM2 bilion daripada jumlah tender dibida yang bernilai lebih RM4 bilion.

"Jumlah tender yang dimenangi ini adalah daripada pasaran domestik dan antarabangsa iaitu Nepal, Indonesia serta Laos.

"Tender yang dibida turut membabitkan bidaan di Asia Barat sebagai strategi penembusan pasaran ke rantau berkenaan," katanya.

Dengan pertumbuhan yang memberangsangkan dan prospek yang cerah, KPower berjaya menarik minat pelabur melalui permintaan global bagi sektor tenaga boleh diperbaharui.

Walaupun pasaran dan ekonomi kini dalam keadaan yang tidak seimbang, KPower berjaya merangka semula perniagaannya dengan menceburi segmen perniagaan baharu untuk merajana aliran pendapatan yang mampan, selain memajukan perniagaan sedia ada.

Dalam masa hanya beberapa tahun, KPower berjaya membayangkan aliran pendapatannya melalui empat segmen perniagaan utama iaitu tenaga dan utiliti, pembangunan hartanah, logistik serta industri kesihatan dan teknologi, katanya.

Kejayaan KPower disokong barisan pengurusan profesional yang berpengalaman luas dalam pengurusan projek dan pelaksanaan, aktiviti pembinaan dan pelaburan terutama dalam sektor utiliti dan tenaga boleh diperbaharui.

KPower memulakan model pemilikan aset tunggalnya apabila disenarai pendek bagi projek Solar Berskala Besar keempat (LSS4) untuk pembangunan loji fotovolta solar (PV) 50MW di Pahang.

Kemenangan projek kejuruteraan, perolehan, pembinaan dan pengoperasian (EPCC) sebanyak RM475 juta baru-baru ini adalah projek kuasa hidro pertama di Pahang bagi syarikat itu.

BERNAMA